



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID**

TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI

DAN HAL EHWAL PENGGUNA

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN**

**PROGRAM INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN (ReDI)**

**BAZAR JB, JOHOR**

PADA

**6 OKTOBER 2022 (KHAMIS) I 9.00 MALAM**

TEMPAT

**PERKARANGAN BAZAR JB, JOHOR**

Terima kasih saudara pengacara majlis.

Assalamualaikum WBTH, Salam Keluarga Malaysia dan Salam Muafakat Johor

- 1. Yang Berhormat Tuan Lee Ting Han,**  
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor
  
- 2. Yang Berbahagia Dato' Rohaizi bin Bahari**  
Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Penedaran dan Perniagaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
  
- 3. Yang Berusaha Tuan Mohd Hairul Anuar bin Bohro,**  
Pengarah Pejabat KPDNHEP Negeri Johor
  
- 4. Yang Berusaha Encik Fuad bin Rahmat**  
Pengerusi Persatuan Pembangunan dan Kebajikan Bazar Karat Johor Bahru
  
- 5. Yang Berusaha Tuan Mohd Nawawi bin Mohd Hassan,**  
Pengurus Bank Negara Malaysia Johor Bahru
  
- 6. Pengarah-Pengarah Jabatan Kerajaan**
  
- 7. Pegawai-Pegawai Kanan KPDNHEP**
  
- 8. Wakil penyedia e-wallet, rakan-rakan strategik ReDI dan peniaga Bazar JB, sahabat-sahabat media, Tuan-tuan, Puan-puan, hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.**

1. Syukur Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berhimpun di sini pada malam ini bagi menjayakan **Majlis Pelancaran Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) Bazar JB, Johor.**
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri Johor, Bank Negara Malaysia dan rakan penyedia kemudahan *e-wallet* atau *e-dompet* atas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan satu lagi agenda digitalisasi nasional di sini.
3. Tidak saya lupakan kepada seluruh pemimpin masyarakat, Datuk Bandar, Pegawai Daerah, Majlis Daerah dan sudah tentu semua peniaga di Bazar JB di atas sokongan dalam menjayakan majlis kita pada hari ini.
4. Alhamdulillah, ini adalah kali kedua saya memijakkan kaki di Bazar JB atau lebih popular dengan nama Bazar Karat ini. Kunjungan kali pertama adalah pada Jun lalu

selepas diajak rakan ketika saya dalam rangka kerja rasmi di bandar raya ini.

5. Jujur, saya amat mengagumi kemeriahan serta semangat peniaga-peniaga di Bazar JB ini dan susulan itu saya terus mengutarakan cadangan supaya program ReDi ini dilaksanakan di sini. Alhamdulillah, hari ini kita bertemu lagi.

**Hadirin yang saya kasihi sekalian,**

6. Untuk makluman semua, Pada 19 Februari 2021, **YAB Perdana Menteri telah melancarkan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL).**
7. Antara lain sasaran MyDIGITAL adalah memastikan **875,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS)** menerima e-dagang, memberi peluang **500,000 peluang perniagaan** serta akan memberi sumbangan sebanyak **22.6% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2025.**

8. Negara-negara di rantau Asia Tenggara kini sedang berada pada puncak fasa revolusi kewangan di mana kira-kira **49%** daripada penduduk bandar telah pun mengaplikasikan perkhidmatan e-dompet, dan jumlah ini diunjur akan mencecah **84% menjelang 2025**.
  
9. Menurut **Laporan Paynett 2022** yang dikeluarkan baru-baru ini pula, **peratusan rakyat Malaysia menggunakan wang tunai untuk pembayaran telah menurun kepada 11% iaitu 78% berbanding sebelum pandemik iaitu 89%**. Statistik ini menunjukkan bahawa digitalisasi pembayaran secara *cashless* atau tanpa tunai ini semakin diterima pakai dan akan terus menjadi satu kebiasaan kepada pengguna pada masa akan datang.
  
10. Penggunaan e-dompet mungkin bukan asing lagi dalam rangkaian sektor peruncitan gergasi dan pengguna di kawasan bandar, tetapi mungkin belum begitu meluas di kalangan peniaga dan pengguna di kawasan pinggir dan luar bandar. Justeru KPDNHEP telah menggerakkan

susun kerja dalam memastikan agenda digitalisasi nasional menjadi objektif utama sektor peruncitan. Tumpuan utama adalah keperluan bagi **peniaga di peringkat mikro dan kecil termasuk di bazar, pasar tani, pasar awam dan sebagainya terutama di kawasan pinggir dan luar bandar dapat menerima serta mengguna pakai e-dompet secara meluas.**

11. Pendekatan secara *Cashless* ini merupakan wadah utama kerana ia memberi manfaat kepada peniaga mikro dan kecil tambahan pula dengan situasi peralihan endemik pada masa ini yang menggalakkan transaksi tanpa tunai.
12. Justeru, **YAB Perdana Menteri pada 27 Ogos 2022** yang lalu telah melancarkan **Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan atau ReDI Peringkat Kebangsaan** yang merupakan langkah pro aktif yang tepat pada masanya. Inisiatif ini juga turut disokong oleh **Bank Negara Malaysia dan rakan strategik utama penyedia e-dompet dalam usaha mewujudkan masyarakat digital yang inklusif ini.**

13. Kerajaan akan terus memastikan agenda digitalisasi ini dijadikan fokus utama untuk dilaksanakan di semua peringkat. Ini termasuklah memperluaskan kaedah pembayaran secara elektronik ke seluruh pelusuk negara.
14. Melalui usaha ini, kerajaan yakin peralihan kepada kaedah elektronik seperti penggunaan e-dompet bukan sahaja **MUDAH, CEPAT DAN SELAMAT** tetapi ianya dapat memberi peluang kepada peniaga untuk mengurus perniagaan mereka dengan lebih baik dan efisien.
15. Kementerian mensasarkan sejumlah 15,000 peniaga bazar, pasar tani, pasar komuniti, pasar pagi, pasar awam, pasar malam dan premis runcit di pinggir dan luar bandar akan menggunakan e-dompet sehingga akhir tahun ini dan sejak dilancarkan pada Jun tahun lalu, seramai 5,596 peniaga di seluruh negara telah berdaftar di bawah ReDi sehingga kini.

16. Tahniah dan terima kasih kepada semua pihak kerana sudi membawa inisiatif yang baik ini ke Bazar JB. Saya berharap 250 peniaga bazar ini dan pengguna yang mengaplikasikan penggunaan e-dompet mendapat manfaat daripada inisiatif digitalisasi ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

17. Kerjasama Kerajaan Negeri menerusi Pejabat/Majlis Daerah, pihak berkuasa tempatan, peniaga dan penyedia e-dompet bersama pada hari ini adalah merupakan satu inisiatif yang sangat dihargai di mana ia merupakan titik tolak bagi memberikan peluang kepada peniaga untuk berkembang dengan lebih maju seiring peredaran teknologi dan gaya hidup terkini.

18. Bagi menyokong pelaksanaan ReDI di Bazar JB ini, Kerajaan bersetuju untuk menyalurkan peruntukan sebanyak **RM10,400** iaitu **insentif RM30 kepada 180 peniaga** dan **RM20 kepada 250 pengguna** secara tanpa tunai di Bazar ini.



19. Sumbangan ini diharapkan dapat memberi **galakan kepada peniaga dan pengguna untuk mengaplikasikan medium arus perkembangan teknologi semasa**, di samping melonjakkan lagi penggunaan e-dompet termasuk memberi impak secara terus kepada peniaga untuk merancakkan perniagaan mereka di fasa endemik ini.
  
20. Program yang berbentuk ***supplement dan compliment*** seperti inilah dijangka membantu merancakkan lagi program digitalisasi dan pada masa yang sama mengalakkan rakyat berbelanja di sini dengan selesa dan selamat.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

21. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin sekali lagi merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Johor dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan inisiatif ReDI ini.

22. Saya berharap melalui Program ReDI ini akan dapat memberikan manfaat langsung kepada Keluarga Malaysia di seluruh negara.
  
23. Dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **PROGRAM INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN (ReDI) BAZAR JB, JOHOR INI.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.